

NATRIUM POLYSTYRENE SULFONATE



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



MENGENAL ubat anda

Natrium polystyrene sulfonate digunakan untuk merawat kalium darah yang tinggi. Natrium polystyrene sulfonate mengawal kalium darah yang tinggi tetapi tidak menyembuhkannya.

BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Doktor anda akan menentukan jumlah ubat yang anda perlu berdasarkan keadaan anda. Ambil ubat ini mengikut dos yang dipreskripsikan oleh doktor anda. Jumpa ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara betul untuk mengambil ubat anda.

Natrium polystyrene sulfonate boleh didapati dalam bentuk suspension oral dan juga enema rektal. Ubat ini boleh diambil 2 hingga 3 kali sehari, atau mengikut arahan doktor anda. Goncang larutan (suspension) dengan baik sebelum setiap dos. Ambil natrium polystyrene sulfonate betul-betul seperti yang diarahkan. Jangan ambil lebih atau kurang, atau ambil lebih kerap daripada yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Teruskan pengambilan natrium polystyrene sulfonate walaupun anda sudah berasa baik. Jangan henti pengambilan natrium polystyrene sulfonate tanpa nasihat doktor.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk memeriksa dengan doktor apa yang patut anda buat

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Walaupun kesan-kesan sampingan natrium polystyrene sulfonate adalah tidak biasa, ini masih boleh berlaku. Beritahu doktor anda jika terdapat sebarang simptom yang teruk atau berlarutan:

- Sembelit
- Cirit-birit
- Ketidakselesaan perut
- Mual
- Muntah

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Jika anda mengalami sebarang simptom berikut, panggil doktor anda dengan segera:

- Kekeliruan
- Kelemahan otot
- Kebengkakan yang luar biasa
- Denyutan jantung yang tidak teratur
- Kesakitan rektum atau bahagian bawah perut
- Peningkatan rasa dahaga

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum pengambilan natrium polystyrene sulfonate:

Beritahu doktor dan ahli farmasi jika anda mengalami alahan terhadap natrium polystyrene sulfonate atau sebarang ubat lain.

Anda mesti beritahu doktor anda jika anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat-ubat lain atau alahan berlaku semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau kegatalan ruam kulit yang merebak. Beritahu doktor dan ahli farmasi anda ubat-ubat preskripsi dan bukan preskripsi yang anda sedang ambil, terutamanya antasid, digoxin, diuretik, ubat-ubat melawaskan perut dan vitamin-vitamin atau produk-produk jamu.

Beritahu doktor anda jika anda pernah menghadapi penyakit jantung atau buah pinggang, tekanan darah tinggi atau sembelit.

Beritahu doktor anda jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusui anak. Jika anda hamil semasa pengambilan natrium polystyrene sulfonate, panggil doktor anda.

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil makanan dengan kandungan natrium terhad.

Arahan khas makanan

Beritahu doktor anda sebelum menggunakan gantian-gantian garam yang mengandungi kalium. Jika doktor anda mempreskripsikan anda makanan yang bergaram rendah atau mempunyai kandungan natrium rendah, ikutilah arahan tersebut dengan hati-hati.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.